

BAB DUA

LATAR BELAKANG PERTEMPATAN DAN CIRI-CIRI SOSIO BUDAYA MASYARAKAT JAKUN

2.0 Pengenalan

Masyarakat Jakun atau juga dikenali dengan masyarakat Orang Hulu (Ulu) didapati tersebar luas di bahagian Selatan Semenanjung Malaysia, khususnya di negeri Pahang dan Johor. Masyarakat ini dikatakan kurang mendapat perhatian pengkaji disebabkan ciri-ciri sosio budayanya dikatakan hampir sama dengan masyarakat Melayu (Carey 1976).

Dalam bab ini perbincangan akan diberi tumpuan kepada aspek-aspek yang berhubung dengan kawasan kajian, gelaran dan identiti masyarakat Jakun, kawasan perkampungan, ciri-ciri demografi dan sosio budaya. Lain-lain aspek yang akan disentuh meliputi cara hidup, dan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh komuniti di kedua-dua kampung yang dikaji.


2.1 Kawasan

Kumpulan Orang Asli ini diletak di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Daerah. Di Negeri Pahang sahaja terdapat sembilan buah Pejabat Pentadbiran JHEOA Daerah. Daerah-daerah tersebut terdiri daripada Rompin, Pekan, Kuantan, Maran, Temerloh, Bentong, Lipis,

Jerantut, dan Cameron Highlands. Berdasarkan banci 1991 oleh JHEOA terdapat seramai 31,638 orang asli mendiami Negeri Pahang. Dari jumlah ini 34.4% atau 10,903 adalah terdiri dari masyarakat Jakun.

Daerah Rompin telah dipilih untuk dijadikan kawasan tumpuan kajian disebabkan daerah ini didapati mempunyai bilangan penduduk Orang Asli yang lebih ramai khususnya daripada masyarakat Jakun berbanding dengan daerah-daerah lain-lain di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan Banci yang sama di dapati sejumlah 49.6% atau 5,412 orang masyarakat ini tinggal di daerah Rompin.

Daerah ini terletak di bahagian Tenggara Negeri Pahang, dan merupakan salah satu daripada sembilan daerah yang terdapat di Pahang (sila rujuk Peta 1). Daerah ini bersempadan dengan daerah Endau Johor, di bahagian selatan dan daerah Pekan di utara. Menurut laporan kajian yang telah dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Rompin, sehingga tahun 1994 terdapat 58 buah kampung Orang Asli di daerah ini. Manakala menurut laporan yang dikeluarkan oleh JHEOA Daerah Rompin Pahang, terdapat hanya 45 buah kampung Orang Asli di daerah ini. Sila rujuk Jadual 2.0 untuk keterangan lanjut.



Peta 1 : Kawasan Pertempatan Orang Asli Daerah Rompin.

Sumber : JHEOA 1994.

Bil	Lokaliti Orang Asli	Pej. Kesihatan	JHEOA
1.	Kampung Kedaik Lama	*	+
2.	Kampung Sawira	*	-
3.	Kampung Tilan	*	+
4.	Kampung Semupuk	*	+
5.	Kampung Guri	*	+
6.	Kampung Air Molek	*	+
7.	Kampung Langkap Luar	*	+
8.	Kampung Jubau	*	+
9.	Kampung Sembayan	*	+
10.	Kampung Bukit Payung	*	-
11.	Kampung Belangkap	*	+
12.	Kampung Pinang	*	+
13.	Kampung Kerpal	*	+
14.	Kampung Jumeri	*	+
15.	Kampung Petoh Lama	*	+
16.	Kampung Petoh Baru	*	-
17.	Kampung Tanam	*	+
18.	RPS Kedaik	*	+
19.	Ladang Ibam	*	-
20.	Ladang Aman	*	-
21.	Kampung Batu 3	*	+
22.	Kampung Batu 8	*	+
23.	Kampung Mentelong	*	+
24.	Kampung Sungai Mok	*	+
25.	Kampung Bukit Lepas	*	+
26.	Kampung Kemendoi	*	+
27.	Kampung Bukit Serdang	*	+
28.	Kampung Denai	*	+
29.	Kampung Sungai Tiram	*	-
30.	Kampung Langkap Dalam	*	+
31.	Kampung Jenit	*	+
32.	Kampung Batu Hitam	*	-
33.	Kampung Lubuk Pauh	*	-
34.	Kampung Kumpat Aur	*	+
35.	Kampung Pelam	*	+

Jadual 2.0 : Lokaliti Orang Asli di Daerah Rompin
 (Sambungannya sila lihat muka surat sebelah)

Sumber : Diubah Suai Berdasarkan Laporan Pejabat Kesihatan Daerah dan JHEOA Daerah Rompin, 1994.

- * - Kampung yang Diiktiraf oleh Pejabat Kesihatan Daerah
- + - Kampung yang Diiktiraf oleh Pejabat JHEOA

Bil	Lokaliti Orang Asli	Pej. Kesihatan	JHEOA
36.	Kampung Bukit Tinggi	*	-
37.	Kampung Padang Guci	*	-
38.	Kampung Buluh Nipis	*	+
39.	Kampung Mercong	*	+
40.	Kampung Gadak	*	+
41.	Kampung Inu/Inui	*	+
42.	Kampung Meripuh	*	+
43.	Kampung Samak	*	-
44.	RPS Bukit Serok	*	+
45.	Kampung Tengalong	*	+
46.	Kampung Darat Keledang	*	-
47.	Kampung Ceras	*	-
48.	Kampung Gambir	*	+
49.	Kampung Rantau Panjang	*	+
50.	Kampung Paya Keledan	*	+
51.	Kampung Mikang	*	+
52.	Kampung Kemara	*	+
53.	Kampung Loh	*	+
54.	Kampung Tiruk	*	+
55.	Kampung Ganoh	*	+
56.	Kampung Kemomoi	*	-
57.	Kampung Banir	*	-
58.	Kampung Salor	-	+
59.	Kampung Meripuh	*	-
60.	Kampung Jemernang	-	+
61.	Kampung Paloh Rumbuh	-	+
Jum	61 buah Kampung	58 buah kampung	45 buah kampung

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan jumlah kampung Orang Asli menurut perkiraan Pejabat Kesihatan Daerah dan JHEOA Daerah.

- i. Pejabat Kesihatan Daerah mengiktiraf sesebuah kampung bukan berdasarkan jumlah penduduknya, asalkan sesuatu kawasan itu didiami oleh Orang Asli walaupun hanya satu keluarga ia tetap diiktiraf dan disenarai sebagai kampung. Namun pengiraan ini berbeza dengan apa yang dilakukan oleh JHEOA, kampung-kampung yang

mempunyai jumlah penduduk yang kecil akan disatukan dengan kampung berhampiran yang lebih besar. Tujuannya untuk memudahkan urusan pentadbiran kampung dilakukan di bawah satu ketua kampung iaitu batin. Contohnya Kampung Petoh Lama dan Petoh Baru di bawah pentadbiran Kampung Petoh Lama. Begitu juga dengan kes Kampung Tengalong dan Kampung Cheras, berdasarkan bincian yang dibuat hanya Kampung Tengalong yang diiktiraf.

ii. Ada di antara kampung Orang Asli yang terletak di kawasan pendalaman ditemui oleh Pejabat Kesihatan, dan dimasukan ke dalam senarai mereka tetapi tidak oleh JHEOA, misalnya Kampung Banir.

Saiz sesebuah kampung adalah berbeza antara satu kampung dengan kampung yang lain. Dari sekecil-kecil kampung yang didiami oleh sekurang-kurangnya dua kelamin sehinggalah sebesar-besar kampung yang didiami oleh 148 buah kelamin¹. Walau bagaimanapun jumlah kampung atau kawasan yang didiami oleh Orang Asli sering mengalami pertambahan dan pengurangan yang ketara. Fenomena ini bukan disebabkan kadar kematian yang tinggi, tetapi sebaliknya berlaku disebabkan aktiviti ekonomi mereka yang tidak menentu, dan perpindahan keluar masuk yang ketara.

Faktor ekonomi merupakan antara penyebab Orang asli

¹. Berdasarkan bincian yang dilakukan oleh JHEOA 1994.

sering berpindah dari satu kawasan atau kampung ke kawasan atau kampung yang lain untuk bekerja, perpindahan ini berlaku selama beberapa bulan atau beberapa tahun bergantung kepada keperluan hidup mereka. Antara aktiviti ekonomi yang sering menyebabkan Orang Asli berpindah seperti mencari rotan, memotong buluh, berkerja diladang tembikai, memetik lada, membalak, menjaga kongsi², dan lain-lain aktiviti. Jangka waktu perpindahan mereka tidak menentu bergantung kepada keperluan. Ada di antara mereka yang meninggalkan kampung halaman dan membiarkan rumah mereka kosong dan akhirnya usang. Adakalanya tempoh tersebut menjangkau beberapa bulan dan ada juga yang menjangkau beberapa tahun.


Fenomena 'pasang surut' jumlah penduduk sesebuah kampung bukan merupakan perkara baru, malah pengkaji sendiri pernah mengalami situasi ini. Pada bulan pertama dan kedua pengkaji di Kampung Langkap didapati jumlah komuniti kampung hanya lebih kurang 80 orang sahaja. Menjelang bulan ketiga didapati ramai di antara mereka yang bekerja mencari rotan di Terengganu selama lebih kurang enam bulan telah kembali semula ke kampung.

Selain dari faktor pekerjaan fenomena masuk dan keluar kampung sering berlaku di kalangan Orang Asli umumnya dan

². Tugas mereka menjaga dan mengawal kongsi-kongsi atau tempat kediaman yang disediakan oleh pengusaha balak untuk pekerjanya.

masyarakat Jakun khususnya. Faktor ini juga memainkan peranan penting, contohnya jika ditinjau dari sudut perkahwinan, masyarakat Jakun sering mengamalkan perkahwinan antara kelompok dan juga perkahwinan dengan pasangan dari kampung yang berlainan. Pemilihan tempat tinggal bagi pasangan ini hanya ditentukan selepas beberapa tahun berkahwin. Oleh itu sebelum mana-mana pasangan tersebut belum menentukan tempat kediaman tetap mereka, maka perpindahan keluar masuk kampung akan berlaku. Istilah perpindahan ini lebih sesuai digunakan kerana jangka waktu mereka menetap di kampung pasangan masing-masing ada yang menjangkau sehingga satu tahun. Proses ini akan berulang sehingga pasangan tersebut membuat keputusan untuk memilih kawasan penetapan tetap mereka.

Kampung Langkap dan Kampung Batu Tiga telah dipilih untuk dijadikan kawasan kajian setelah ia didapati menepati ciri-ciri yang diperlukan. Kampung Langkap yang terletak kira-kira 6.5km dari jalan utama yang menghubungkan bandar Muadzan Shah dan Bukit Ibam (lihat peta lakar 2). Kampung ini memperlihatkan ciri-ciri tradisi yang ketara, seperti bentuk rumah, aktiviti ekonomi, dan tiada sebarang kemudahan prasarana. Kawasan perkampungan ini hanya didiami oleh dua puluh kelamin sahaja, dan taburan rumah-rumah yang terdapat di sini seperti yang digambarkan oleh peta lakar 3.



Peta 2 : Menunjukan Jarak Kampung Langkap dengan Bandar Bukit Ibam dan Muadzam Shah, dan Jarak Kampung Batu Tiga dengan Bandar Rompin.


Sumber : Lakaran Pengkaji dan Peta ini Tidak Mengikut Skil.

Sementara Kampung Batu Tiga dipilih berdasarkan ciri-ciri yang lebih moden. Kawasan perkampungan ini didapati lebih tersusun dengan kedudukan rumah-rumah berjajar disepanjang jalan utama Nenasi - Rompin. Kampung ini kelihatan seperti kampung baru yang mempunyai kemudahan balairaya, bekalan elektrik, telefon dan bekalan air bersih (lihat peta lakar 4).

2.2 Gelaran dan Identiti


Masyarakat Jakun yang digolongkan di bawah kumpulan Melayu Asli bersama lima kaum yang lain termasuk Temuan (Belandas), Semelai, Orang Kanaq, Orang Kuala, dan Orang Seletar. Jika dibandingkan di antara ketiga-tiga kumpulan utama Orang Asli yang terdiri dari kumpulan Negrito, Senoi, dan Melayu Asli didapati kumpulan Melayu Asli merupakan kumpulan yang terakhir tiba di Tanah Melayu (Carey 1976). Namun persoalannya pengetahuan berhubung dengan kumpulan Melayu Asli atau ini amat kurang jika dibandingkan dengan kumpulan Negrito dan Senoi.

Masyarakat Jakun juga dikenali sebagai Orang Ulu (Hulu), Orang Utan, Orang Dalam, Orang Darat atau Orang Bukit (Iskandar Carey, 1976). Konotasi ini memberi gambaran terhadap masyarakat Jakun yang mendiami kawasan hutan, terpencil, jauh dari masyarakat luar, sukar ditemui, dan sering dikaitkan dengan hutan.



Peta 3 : Peta Lakar Taburan Pertempatan Penduduk di Kampung Langkap.

Sumber : Hasil Pemerhatian Pengkaji.



Peta 4 : Peta Lakar Kampung Batu Tiga Yang Terletak Berjajar Sepanjang Jalan Utama Nenasi Menuju Ke Rompin.

Sumber : Hasil Pemerhatian Pengkaji.

Penjelasan perlu dilakukan berhubung dengan penggunaan nama 'Jakun'. Pelbagai pendapat telah dikemukakan mengenai penggunaan istilah Jakun ini. Menurut Carey (1976), istilah Jakun digunakan dalam dua situasi yang berbeza.

i. Untuk merujuk kepada suatu kumpulan etnik yang khusus.

ii. Untuk merujuk kepada kumpulan manusia dari Melayu Asli secara menyeluruh. Dengan lain perkataan ke enam-enam kelompok yang berada di dalam kumpulan Melayu Asli dikenali sebagai Jakun.

Wilkinson (1939) menjelaskan maksud *Jakun* berasal daripada dua perkataan. Pertama *jah* membawa maksud orang dan *kund* membawa maksud lelaki. Sementara Carey (1976) menyatakan perkataan *jah* membawa maksud orang dan *kun* membawa maksud liar atau ketinggalan.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada salah seorang informan, melalui kajian di Kampung Batu Tiga, didapati masyarakat Jakun lebih dikenali oleh masyarakat Melayu sebagai *sakai*. Istilah *Sakai* juga digunakan untuk merujuk kepada masyarakat Orang Asli dari kumpulan Senoi (Carey 1976:223). Menurut menurut beliau lagi perkataan *sakai* dalam bahasa Jakun membawa maksud berbeza sama sekali dengan apa yang dijelaskan oleh Carey (1976) dan Wilkinson

(1939). Istilah sakai bermaksud satu bentuk kegiatan yang dilakukan secara gotong royong. Di kalangan penduduk Batu Tiga perlakuan bergotong royong ini disebut sebagai *bersakai*. Biasanya *bersakai* melibatkan kerja-kerja seperti menanam padi, menanam ubi (*berhubik*), membersih huma, dan berbagai aktiviti berkumpulan yang lain.

Terdapat juga di kalangan masyarakat Jakun yang tidak menggolongkan diri atau kumpulan mereka dalam mana-mana suku kaum Orang Asli. Sebaliknya mereka lebih senang menyatakan diri mereka sebagai Orang Asli. Carey (1976) pernah menjelaskan bahawa ada di antara Orang Asli yang ditemuinya menegaskan bahawa mereka adalah Orang Asli tetapi tidak menyatakan dari mana-mana suku. Sebaliknya istilah Jakun ini lebih dikenali di kalangan ahli-ahli antropologi dan juga digunakan oleh JHEOA.

Situasi yang sama juga jelas berlaku di kalangan komuniti Jakun yang tinggal di Kampung Langkap. Mereka hanya menyatakan diri mereka adalah Orang Asli, penggunaan istilah Jakun bagi tujuan merujuk komuniti mereka diberikan oleh JHEOA. Salah seorang dari informan menyatakan,

'Mamak hempak nahuk pasal jakun, kamik semuak Urang Asli, hempak adak namak lain, tapi urang pejabat adak berik tahuk kamik, kamik urang Jakun. hempak

*nahuklah.... mungkin jugak kamik semuak
memang urang Jakun....'*

Atau dalam Bahasa Melayu biasa,

'Pak Cik tak tahu pasal Jakun, kami semua Orang Asli, tidak ada nama lain, tetapi orang pejabat ada memberi tahu saya, saya orang Jakun. Tak tahulah.... mungkin juga kami semua memang orang Jakun....'

Walau bagaimanapun berdasarkan ciri-ciri yang ada pada kelompok tersebut seperti, bahasa, adat resam, budaya, dan ciri-ciri fizikal yang menyerupai masyarakat Jakun, di samping pihak JHEOA yang bertanggugjawab terhadap Orang Asli turut menggolongkan mereka kedalam kumpulan Jakun. Maka komuniti Orang Asli yang dikaji ini digolongkan kedalam kumpulan tersebut. Penelitian juga telah dilakukan bagi menilai sejauh manakah kebenaran wujud bagi menyatakan komuniti tersebut adalah terdiri dari masyarakat Jakun.

Dari segi bahasa masyarakat Jakun menggunakan bahasa pertuturan yang digolongkan di bawah kumpulan bahasa Austronesia (Malayo-polynesian). Terdapat banyak persamaan dan hanya sedikit kelainan jika dibandingkan dengan Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun masih terdapat sedikit perbezaan

penggunaan istilah bagi penduduk Kampung Langkap dan penduduk Kampung Batu Tiga.

Adakalanya sesuatu perkataan yang digunakan berbeza sama sekali, contohnya perkataan 'makan', bagi penduduk di Kampung Langkap lebih biasa menggunakan perkataan *ngutip* atau *nyantap*. Satu lagi contoh perbezaan perkataan 'tidak', masyarakat Jakun dari Kampung Langkap menggunakan perkataan *hempak* sementara penduduk Jakun dari Kampung Batu Tiga menggunakan perkataan *nyop*. Sila rujuk jadual 2.1 untuk keterangan lanjut.

Seterusnya jika perbandingan dibuat berdasarkan adat resam dan budaya masyarakat Jakun di kedua-dua kampung yang dikaji, juga ada kelainan dalam sesetengah hal seperti adat bersanding, upacara kematian, dan sambutan perayaan seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya, dan Krismas. Kelainan yang berlaku disebabkan pengaruh unsur budaya, Melayu, Cina, dan India yang diterap melalui hubungan secara langsung seperti melalui perkahwinan campur, dan hubungan secara tidak langsung, melalui pergaulan di tempat kerja.

Perbandingan yang dibuat berdasarkan ciri-ciri fizikal di antara kedua-dua kampung tersebut, didapati ada persamaannya terutama di antara mereka yang tidak melakukan perkahwinan campur.

Bahasa Melayu	Bahasa Jakun Kampung Bt.3	Bahasa Jakun Kampung Langkap
Anak	Anok	Anek
Atap	Hatop/hatap	Hatap
Ayam	Hayam	Hayam
Almari	Gubok	-
Besar	Beso	Besa
Budak	Budek/kanak	Budak
Bas	Bos	Bas
Baik	Molek	Molek
Berak	Birak	Birak
Beri	Berik	Berik
Badan	Nyawa	Nyawa
Bulat	Bulot	Bulat
Beria-ia/suka	Tebeng	Tebeng
Bersalin	Bersenalin	Beranak
Bertengkar	Bertaki	Bertaki
Cantik	Lawe	Molek
Dapat	Dapot	Dapat
Dalam	Dalom	Dalam
Di	De	De
Dekat/sini	Cihin	Chan
Hilang	Ghaib	Ghaib
Hala	Halak	Halak
Hitam	Hitom	Hitam
Harimau	Hole	Hole
Ingat	Tatap	Kenang
Itu	Hon	Hun
Jual	Juo	Jual

Jadual 2.1 : Penggunaan Istilah Di Antara Masyarakat Jakun di Kampung Langkap dan Kampung Batu Tiga (Sambungan Jadual sila rujuk muka surat sebelah).

Sumber : Berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan oleh pengkaji

Sambungan dari muka surat sebelah.

Bahasa Melayu	Bahasa Jakun Kampung Batu Tiga	Bahasa Jakun Kampung Langkap
Jauh/sana	Chun/hon	Chun/hon
Jahat	Jahot/sombong	Jahat
Kecil	Bodok	Bodok
Kakak	Abang	Abang
Kami	Hokchan	Hokchan
Kata	Nyata	Nyata
Kenal	Keno	Kenal
Kura-kura	Kurok	Kurak/labi
Lima	Limak	Limak
Lari	Larik	Larik/berpeling
Makan	Makon	Ngutip/nyantap
Memakai	Berpakai	Makai
Mahu	Mboh	Mboh
Mereka	Enchan	Dia orang
Muka	Muko	Mukak
Mandi	Manik	Manik
Menyisip	Sudip	Nyudip
Menyisip kutu	Sudip kutu	Nyudip kutuk
Melihat	Keleh	Nampak
Menyusu	Nonok	Nonok
Mati	Matik	Matik
Mabuk	Engkhe	-
Menghidup api	Tungkun apik	-
Memagar	Magar	Pagar
Nyenjak	Jenera	Lena
Orang	Urong	Urang
Putik Kelubi	Mangkoi	-
Perempuan	Betinak	Betinak/tenok
Permatang	Permatong/matong	-
Rumah	Rumoh	Romah
Rosak	Rusok	Rusak
Satu	Satuk/se	Satuk
Serasi	Serun	Serasik
Sana	Chon	Chun
Saya	Hok/ma/malek/kam	Kam/Kamik
Semalam	Semalom	Hari semalam
Tahu	Nahuk	Nahuk
Tidak	Nyop	Hempak
Tidak mahu	Tak mboh	Tak mboh
Tua	Tuhok	Tuo

terutama di antara mereka yang tidak melakukan perkahwinan campur. Persamaan ini jelas dari segi ketinggian, warna kulit, bentuk muka, bentuk mata, dan hidung. Namun bagi

mereka yang lebih dikenali sebagai 'peranakan' pastinya mempunyai banyak perbezaan dari segi fizikal. Tidak kira perkahwinan campur antara suku Jakun dengan masyarakat Cina, Melayu atau India masing-masing mempunyai ciri-ciri fizikal yang tersendiri.

Bentuk fizikal masyarakat Jakun yang tidak dipengaruhi melalui percampuran genetik dengan masyarakat Cina, Melayu atau India, agak berbeza. Ketinggian mereka lebih rendah jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu bagi kedua-dua jantina lelaki dan perempuan. Purata ketinggian bagi golongan lelaki lebih kurang 5 kaki 2 inci atau 1.60 meter, sementara golongan perempuan ketinggian mereka kurang dari 5 kaki atau 1.55 meter. Masyarakat Temuan yang juga dari kumpulan Melayu Asli juga didapati mempunyai ketinggian yang lebih kurang sama dengan masyarakat Jakun. Orang lelakinya mempunyai ketinggian lebih kurang 1.53 meter. dan 1.42 meter bagi golongan perempuan (Gomes 1982). Warna kulit juga lebih gelap, berambut ikal, bentuk hidung sederhana besar dan tidak terlalu lebar.

2.3 Demografi

Berdasarkan banci yang dijalankan oleh JHEOA pada 1991, didapati seramai 31,638 orang masyarakat Orang Asli mendiami negeri Pahang. Dari keseluruhan jumlah ini 34.4% atau 10 903 orang terdiri daripada masyarakat Jakun.

Taburan masyarakat ini didapati tersebar di daerah-daerah seperti Rompin (5, 412), Pekan (5, 225), Kuatan (168), dan Temerloh (68).

Penempatan masyarakat ini boleh dikelaskan kepada dua jenis. Pertama Orang Asli pinggiran dan kedua Orang Asli pendalamam. Orang Asli pinggiran merujuk kepada mereka yang membentuk kawasan pertempatan berhampiran dengan bandar atau mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang mudah dihubungi dengan jalan darat. Sementara bagi masyarakat Orang Asli pendalamam merujuk kepada pertempatan di kawasan-kawasan yang sukar dihubungi, serta terletak jauh ke kawasan pendalamam. Pada bahagian ini perbincangan akan diberi tumpuan kepada ciri-ciri demografi seperti isi rumah, dan pemilikan berdasarkan kedua-dua kampung yang dikaji.

2.3.0 Isi Rumah

Isi rumah merujuk kepada anggota keluarga yang tinggal bersama di bawah satu bumbung. Hubungan darah dan perkahwinan menjadi penentu keanggotaannya, namun ada di antara isi rumah yang mempunyai anggota bukan berdasarkan hubungan darah atau perkahwinan, sebaliknya melalui pengambilan anak angkat. Saiz dan jumlah isi rumah boleh dijadikan perbandingan dalam menentukan kecil atau besar sesebuah kampung.

Masyarakat Jakun merujuk istilah isi rumah sebagai kelamin. Sekelamin membawa maksud sebuah isi rumah yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak termasuk anak angkat. Ketua isi rumah atau ketua kelamin biasanya bapa atau anak lelaki kepada isi rumah berkenaan. Organisasi sosial yang wujud dalam masyarakat Jakun tidak terlalu komplek, unit asas kekeluargaan adalah keluarga elementari atau sekelamin, yang terdiri daripada seorang suami, seorang isteri dan anak-anak. sementara unit asas sosial dibahagikan kepada tiga unit utama yang terdiri daripada sekelamin, kumpul saudara dan kaum sedaging (Carey 1976:229). Dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Jakun terdapat lebih dari satu kelamin dalam sebuah rumah. Fenomena dua kelamin dalam sebuah rumah bukan sesuatu yang pelik, sebaliknya ia dilihat sebagai penyatuan semula atau kepulangan semula anggota keluarga.

Terdapat dua faktor penyebab fenomena di atas, pertama bagi pasangan yang baru mendirikan rumah tangga kedudukan ekonomi yang belum stabil di samping perasaan belum bersedia untuk tinggal berasingan dengan ibu bapa. Ditambah lagi dengan perkahwinan yang berlaku dalam usia yang masih muda bagi pasangan berkenaan. Faktor kedua boleh dilihat dari segi mobiliti masyarakat Jakun itu sendiri. Mobiliti berlaku di kalangan masyarakat ini bagi mendapatkan peluang pekerjaan di luar kawasan penempatan mereka.

Desakan hidup juga memaksa mereka keluar mencari pekerjaan bagi memenuhi keperluan hidup. Tetapi mereka ini akan kembali semula ke kampung asal mereka bersama-sama anak dan isteri setelah beberapa tahun meninggalkan kampung halaman. Kepulangan seperti ini dilihat sebagai penyatuan semula anggota keluarga dan pasangan ini akan menetap bersama ibubapa mereka. Pasangan ini dan anak-anak mereka jarang mendirikan rumah sendiri disebabkan mereka merasakan tidak perlu rumah sendiri kerana mereka akan meninggalkan kampung halaman sekali lagi sekiranya ada peluang pekerjaan yang lebih baik.

Namun fenomena dua atau lebih jumlah kelamin dalam sesebuah rumah bukan satu fenomena yang berpanjangan, ia berlaku untuk satu jangka masa tertentu di antara 1-3 tahun sahaja. Apabila setiap pasangan mencapai tahap kedudukan ekonomi yang stabil dan mereka bersedia untuk hidup sendiri, maka fenomena ini akan berakhir.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan di Kampung Langkap terdapat 20 isi rumah dan dari jumlah ini terbentuk seramai 109 orang penduduk. Dari keseluruhan jumlah ini terdapat seramai 61 orang terdiri daripada lelaki dan yang selebihnya 48 orang terdiri daripada perempuan. Untuk keterangan lanjut sila rujuk jadual 2.2.

Bilangan Anggota	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
1. Responden	15		20
2. Pasangan		5	
Responden	5		20
3. Anak	35	15	60
4. Menantu	2	25	3
5. Cucu	1	1	3
6. Anak Angkat	1	2	1
7. Mertua	2	-	2
Jumlah	61	48	109

Jadual 2.2 Jumlah Isi Rumah di Kampung Langkap Mengikut Jantina.

Sumber : Berdasarkan Kajian

Jumlah penduduk dan jumlah isi rumah bagi Kampung Batu Tiga jauh lebih besar, kira-kira tiga kali ganda jika dibandingkan dengan Kampung Langkap. Jadual 2.3 di sebelah memberi gambaran isi rumah di kampung Batu Tiga. Keseluruhan penduduk kampung berjumlah 315 orang yang dibentuk oleh 63 unit isi rumah. Dari keseluruhan jumlah penduduk ini, 170 orang terdiri dari lelaki dan 145 orang lagi terdiri dari perempuan.

Bilangan Anggota Isirumah	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
1. Responden	17	46	63
2. Pasangan	42	15	57
Responden			
3. Anak	97	70	167
4. Anak angkat	4	2	6
5. Cucu	2	2	4
6. Menantu	1	4	5
7. Mertua	5	6	11
8. Adik	2	-	2
Jumlah	170	145	315

Jadual 2.3 Jumlah Isirumah Kampung Batu Tiga Mengikut
 Jantina

Sumber : Berdasarkan Kajian

Jika ditinjau aspek yang berhubung dengan kehidupan masyarakat tradisi, keluarga atau isi rumah merupakan satu unit pengeluaran, pengagihan, dan penggunaan. Fungsi keluarga boleh dilihat berada pada tahap maksimum kerana kurangnya pergantungan terhadap institusi yang lain. Walau bagaimanapun fungsi keluarga sebagai unit pengeluaran semakin kurang penting disebabkan kepelbagaiannya kegiatan ekonomi yang tidak lagi melibatkan seluruh anggota keluarga. Berdasarkan penelitian di kalangan komuniti Jakun yang dibuat di Kampung Langkap, hasil yang diperolehi

menunjukan fungsi keluarga sebagai satu unit pengeluaran, pengagihan, dan penggunaan masih kekal.

Fungsi ini begitu jelas dalam aktiviti *berbuluh* atau menebang buluh dan *berotan* atau mencari rotan. Ibu dan anak-anak turut sama membantu ketua keluarga dalam menjalankan aktiviti ini. Sekiranya kawasan *berbuluh* terletak agak jauh dari kawasan perkampungan, keluarga tersebut akan mendirikan pondok-pondok sementara di kawasan berhampiran. Mereka akan tinggal dan bermalam di pondok-pondok sementara antara 2-5 malam sebelum kembali semula ke kampung untuk berehat.

Walau bagaimanapun fungsi keluarga sebagai sebagai satu unit pengeluaran asas, tidak begitu ketara di Kampung Batu Tiga. Ini disebabkan kegiatan ekonomi yang dijalankan di Kampung Batu Tiga adalah berbeza.

Pengaruh perkembangan kegiatan ekonomi pasaran yang berdasarkan modal dan faktor pengeluaran telah berupaya menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk di sini. Penglibatan mereka dalam pelbagai bentuk pekerjaan tidak memberi ruang kepada anak-anak dan isteri untuk sama-sama membantu suami di tempat kerja.

2.3.1 Pengelasan Umur

Berdasarkan Jadual 2.4 pengelasan umur di bawah, di Kampung Langkap bilangan penduduk yang berumur di antara 5 - 10 tahun merupakan golongan yang paling ramai iaitu kira-kira 40.2%. Ini bermakna kanak-kanak merupakan golongan terbesar diikuti dengan golongan pertengahan di antara 31 - 40 tahun atau 14% dari jumlah keseluruhan. Ini diikuti mereka yang digolongkan antara 16 - 20 tahun, dan golongan yang paling sedikit terdiri daripada mereka yang digolongkan di dalam kumpulan umur 41 - 50 tahun.

Kelas umur	Kampung Langkap	Kampung Batu Tiga
1. 5thn dan kurang	22(20.1%)	44(13.9%)
2. 6thn - 10thn	22(20.1%)	55(17.4%)
3. 11thn - 15thn	10(9.1%)	36(11.4%)
4. 16thn - 20thn	14(12.8%)	37(11.7%)
5. 21thn - 30thn	10(9.1%)	47(14.9%)
6. 31thn - 40thn	16(14.6%)	27(8.5%)
7. 41thn - 50thn	3(2.7%)	24(7.6%)
8. 51thn dan lebih	12(11.0%)	45(14.2%)
Jumlah	109(100%)	315(100%)

Jadual 2.4 Pengelasan umur penduduk Kampung Langkap dan Kampung Batu Tiga
Sumber : Berdasarkan Kajian

Keadaan di Batu Tiga juga menunjukan pola yang hampir sama dengan di Langkap. Mereka yg berusia 6 - 10 tahun merupakan golongan yang paling ramai, dan diikuti oleh golongan berusia 21 - 30 tahun dan golongan 51 tahun dan lebih.

2.4 Ciri-ciri Sosio budaya Masyarakat Jakun

Setiap masyarakat mempunyai ciri-ciri budaya sendiri yang menjadi lambang identiti mereka. Pembentukan budaya sesuatu masyarakat dibentuk berdasarkan keperluan dan persekitaran semulajadi. Walau bagaimanapun sesuatu budaya yang menjadi amalan masyarakat akan mengalami proses akulturasi dan asimilasi sehingga akhirnya menyebabkan perubahan berlaku.

Ciri-ciri sosio budaya yang akan dibincangkan dalam bab ini lebih tertumpu kepada aspek seperti sistem kekeluargaan, pemilikan, kepimpinan, agama, dan taraf pendidikan. Perbincangan ini akan tertumpu kepada ciri-ciri sosiobudaya tradisi masyarakat Jakun di kedua-dua kampung yang dikaji.

2.4.0 Sistem Kekeluargaan dan Terminologi

Pembentukan organisasi sosial dalam masyarakat Jakun agak ringkas. Terdapat tiga unit utama dalam masyarakat

ini, unit-unit tersebut terdiri daripada kelamin, kumpul saudara, dan kaum sedaging (Carey 1976).

Sistem persanakan dalam masyarakat Jakun yang utama merujuk kepada unit keluarga asas atau kelamin. Kumpulan kelamin ini terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak. Walau bagaimanapun kadangkala terdapat kumpulan kelamin yang terdiri daripada ibu, bapa, anak-anak, dan dato serta nenek. Dalam kes tiga generasi yang tinggal di dalam satu rumah biasanya generasi datuk atau nenek tersebut menumpang anak-anak kerana ia telah kematian suami atau isteri³.

Individu yang menganggotai sesuatu kelamin akan diketuai oleh seorang ketua keluarga iaitu bapa. Sekiranya bapa telah meninggal dunia, maka tugas ini akan diambil alih oleh ibu atau anak lelaki sulung.

Unit kedua terdiri daripada kumpul saudara, yang terdiri daripada individu yang mempunyai hubungan persanakan sama ada melalui perkahwinan atau persemedaan. Kumpul saudara dalam masyarakat ini dikira berdasarkan prinsip bilateral. Berdasarkan prinsip ini hubungan yang terbentuk dari sebelah nasab ibu dan nasab bapa akan diambil kira dan mereka digolongkan ke dalam kumpulan

³. Kes seperti ini berlaku di kedua-dua kampung yang dikaji. Didapati generasi datuk atau nenek hanya akan tinggal bersama anak-anak dan cucu-cucunya apabila salah seorang daripada pasangan mereka telah meninggal dunia.

kumpul saudara. Kebiasaannya komuniti yang tinggal di dalam satu kampung terdiri dari kumpul saudara. Hanya sebahagian kecil sahaja daripada individu di dalam kampung terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai hubungan darah atau pertalian saudara, dan mereka ini lebih dikenali sebagai 'orang dagang'. Berdasarkan kedua-dua kampung yang dikaji kumpulan 'orang dagang' terdiri daripada orang Cina, India, dan Indonesia yang berkahwin dengan penduduk tempatan.

Dalam sistem kekeluargaan masyarakat Jakun terdapat beberapa konsep panggilan yang agak unik. Gelaran dan panggilan yang terbentuk didapati agak berbeza jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu. Misalnya penggunaan istilah 'kakak', dalam masyarakat Jakun istilah 'kakak' merujuk kepada saudara yang lebih tua tanpa mengira jantina sama ada lelaki atau perempuan. Penggunaan istilah 'kakak' lebih kepada tujuan rujukan dan bukan bagi tujuan panggilan. Contohnya seorang gadis yang bernama Kuntum mempunyai seorang kakak dan seorang abang. Apabila soalan mengenai berapa orangkah saudara Kuntum diajukan, maka jawapannya ialah dua orang 'kakak'. Ini menjelaskan penggunaan istilah 'kakak' hanya untuk rujukan sahaja.

Kebiasaanya nama sebenar seseorang kurang popular berbanding dengan nama timangan. Nama timangan seseorang biasanya dikaitkan dengan ciri-ciri fizikal yang dimiliki. Nama timangan ini tidak dipandang serong oleh anggota

masyarakat. Misalnya jika seseorang kanak-kanak itu berkulit hitam maka gelaran yang akan diberikan ialah 'keling'⁴. Gelaran ini akan bertukar menjadi nama timangan kanak-kanak tersebut sehingga beliau berkahwin. Selepas berkahwin barulah nama ini akan bertukar dengan nama panggilan 'mak' atau 'pak' dan diikuti nama anak sulung mereka. Begitu juga sekiranya seorang kanak-kanak itu dilahirkan dengan tangan yang cacat, maka ia akan dikenali dengan nama 'kudung'.

Panggilan yang digunakan untuk merujuk kepada kedua ibu dan bapa dalam masyarakat Jakun tidak jauh bezanya dengan masyarakat Melayu. Hanya istilah emak dan bapa digunakan dalam masyarakat ini. Tetapi panggilan untuk merujuk kepada bapa saudara dan emak saudara sama sekali berbeza dengan masyarakat Melayu. Bapa saudara lebih dikenali dengan '*mamak*' dan emak saudara dikenali dengan '*amai*'.

Orang yang lebih tua mempunyai panggilan tersendiri sebagai tanda menghormati. Ia berbeza antara mereka yang mempunyai perhubungan darah dan tidak mempunyai hubungan darah. Panggilan 'nenek' merujuk kepada dato atau nenek tanpa mengira jantina. Bagi golongan tua yang mempunyai pertalian darah yang agak jauh panggilan yang sering digunakan ialah '*tuak*'. Sementara mereka yang tidak

⁴. Istilah keling ini merujuk kepada masyarakat India.

mempunyai hubungan darah juga dikenali dengan panggilan 'mak' atau 'pak' dan dikuti dengan nama anak sulung pasangan berkenaan. Panggilan 'mak' dan 'pak' melambangkan rasa hormat kepada mereka yang lebih tua. Dalam kes ketua kampung panggilan yang digunakan oleh anak buah terutama yang mempunyai hubungan saudara jauh dan yang tidak mempunyai hubungan darah lebih dikenali dengan 'mak batin' dan 'pak batin'.

Penggunaan istilah menantu, mertua, dan besan hampir sama seperti yang digunakan oleh masyarakat Melayu. Ia dibezakan jantina melalui sebutan 'jantan' dan 'betina' pada penghujung istilah tersebut. Contohnya 'menantu jantan' merujuk kepada menantu lelaki, dan 'menantu betina (*betinak*)' merujuk kepada menantu perempuan. Sila rujuk Lampiran 1 untuk melihat istilah panggilan dalam komuniti Jakun.

Dalam masyarakat Jakun anak angkat dibahagikan kepada dua jenis, pertama anak angkat yang dibesarkan bersama-sama dalam satu kelamin. Anak angkat jenis kedua lebih dikenali dengan 'anak anggo'. 'Anak anggo' merujuk kepada kanak-kanak yang jatuh sakit, dan setelah diubati oleh bomoh maka ia kembali sembuh. Sebagai tanda penghormatan dan tanda terima kasih maka ibu bapa kanak-kanak tersebut akan meminta anak mereka dijadikan anak angkat kepada bomoh berkenaan. Panggilan kepada ibu dan bapa bagi anak angkat

jenis yang pertama ialah emak dan bapa. Manakala bagi jenis yang kedua panggilan yang digunakan sama seperti orang lain.

Seperkara lagi yang dikira unik berhubung dengan masyarakat Jakun ialah hubungan anak angkat dan saudara angkatnya⁵. Pengiktirafan masyarakat terhadap anak angkat telah membentuk satu peraturan, di mana anak angkat dilarang berkahwin dengan saudara angkatnya. Sekiranya perkahwinan dilakukan maka ia dianggap sebagai sumbang muhrim.

Dalam masyarakat Jakun bentuk perkahwinan yang diamalkan bercorak monogami. Didapati tidak ada perkahwinan poligami diamalkan dalam masyarakat ini dikedua-dua kampung yang dikaji. Sementara pola pertempatan selepas berkahwin bercorak ambilokal. Corak perkahwinan seperti ini mengizinkan pasangan yang berkahwin bebas memilih tempat tinggal mereka selepas berkahwin. Dari segi pemilihan pasangan dalam masyarakat ini, kebebasan diberikan dalam menentukan siapakah pasangan yang ingin dikahwini.

⁵. Pengkaji turut dijadikan anak angkat kepada pasangan suami isteri batin di keduanya kampung yang dikaji. Keadaan ini memberi satu bentuk jaminan keselamatan kepada pengkaji. Hubungan ini berpanjangan sehingga kehari ini dan pengiktirafan bentuk hubungan saudara angkat dapat dirasai oleh pengkaji. Ini terbukti apabila pengkaji telah diberitahu tentang kematian ibu angkat pengkaji, dan mayatnya tidak disempurnakan selagi pengkaji belum tiba.

2.4.1 Pemilikan

Pemilikan merujuk kepada barang atau harta yang dippunyai, dan pemiliknya mempunyai hak ke atas barang dan harta tersebut. Dalam kontek masyarakat Jakun pemilikan dibahagikan kepada dua jenis. Pertama pemilikan persendirian atau pemilikan isi rumah, dan kedua merujuk kepada pemilikan kominiti. Unit isi rumah mempunyai pemilikan kawasan pertanian sendiri di samping kawasan yang diiktiraf sebagai milik komuniti. Pemilikan persendirian oleh setiap isi rumah membolehkan mereka menikmati hasil pengeluaran untuk seisi keluarga. Kawasan milik persendirian diusahakan sendiri oleh isi rumah berkenaan dan ditanami dengan pokok-pokok buah-buahan seperti cempedak, nangka, rambutan, dan durian. Namun demikian kawasan pertanian seperti *humak*, *hubik*, kawasan hutan sekitar, dan hasil yang dikeluarkan oleh hutan dianggap menjadi milik bersama komuniti. Antara barang yang dianggap menjadi milik isi rumah dibahagikan kepada tujuh jenis.

i. Peralatan memburu dan menangkap ikan,

- a) Sumpitan
- b) Serampang
- c) Senapang
- d) Lembing
- e) Pancing
- f) Pukat

ii. Peralatan pertanian,

- a) Parang
- b) Cangkul
- c) Sabit
- d) tugal

- iii. Peralatan memasak,
 - a) Periuk
 - b) Kuali
 - c) Pinggan mangkuk
 - d) Cerek
- iv. Kenderaan
 - a) Kereta
 - b) Motosikal
 - c) Basikal
 - d) Kereta
- v. Barang-barang perhiasan,
 - a) Barang kemas (emas dan perak)
- vi. Alat muzik,
 - a) Gong
 - b) Rebana
 - c) Biola
- vii. Tanah (kawasan bercucuk tanam)
 - a) Sebahagian dari kawasan yang ditanam dengan buah-buahan.

Pemilikan barang dan peralatan di atas menjadi milik isi rumah dan digunakan oleh isi rumah atau kelamin berkenaan sahaja. Walau bagaimanapun ada di antara barang di atas akan dipinjamkan kempada anggota komuniti yang lain berdasarkan keperluan. Di kalangan komuniti di Kampung Langkap pemilikan barang persendirian seperti peralatan memburu dan menangkap ikan, peralatan pertanian, dan alat muzik masih mengalami proses peminjaman.

Sementara bagi pemilikan kenderaan proses peminjaman jarang berlaku disebabkan barang tersebut amat kurang. Di kalangan komuniti di Batu Tiga pula, pemilikan barang persendirian seperti kenderaan, dan peralatan muzik sahaja yang mengalami proses peminjaman. Walau bagaimanapun peminjaman tersebut hanya terbatas kepada kenderaan seperti

basikan dan motosikal, dan bukannya peminjaman terhadap kenderaan seperti kereta.

Pemilikan yang kedua merujuk kepada pemilikan komuniti. Bentuk pemilikan ini lebih terbuka kepada seluruh anggota komuniti. Keadaan ini sama seperti yang berlaku dalam komuniti lain yang hidup secara berkumpulan. Tanah yang dilihat sebagai satu aset penting dalam masyarakat yang hidup secara berkumpulan. Oleh itu mana-mana kawasan yang dikira sesuai akan dipilih melalui upacara ritual dan ia akan diusahakan bersama-sama untuk kegunaan komuniti. Setelah kerja-kerja pemilihan tanah dilakukan ia disambung dengan kerja-kerja pembersihan seperti menebang, menebas, memancas, dan memerun dilakukan bersama-sama oleh anggota komuniti.

Namun kini pemilikan terhadap tanah secara persendirian telah wujud. Kebiasaan tanah yang ditanam dengan pokok buah-buahan dan pokok getah merupakan tanah milik persendirian. Ianya diusahakan sebagai sumber utama untuk mendapatkan wang. Di kalangan penduduk Langkap tanah milik persendirian ini ditanam dengan buah-buahan dan getah. Tanah ini akan diwarisi kepada anak-anak apabila ibu bapa telah meninggal dunia. Pemilikan tanah persendirian di Langkap tidak terhad keluasannya kerana kedudukan kampung ini yang jauh dari penduduk lain.

Sementara di kalangan penduduk di Batu Tiga pemilikan tanah secara persendirian juga wujud. Walau bagaimanapun kawasan tanah yang dijadikan milik persendirian amat terhad kepada kawasan yang telah direzabkan sebagai tanah Orang Asli. Penduduk Batu Tiga juga mempunyai batasan ketika membuka kawasan pemilikan persendirian. Keterbatasan ini ini dipengaruhi oleh kedudukan kawasan perkampungan ini ditengah-tengah perkampungan Melayu.

Bentuk pemilikan komuniti seperti di atas masih wujud dan masih diamalkan dikalangan komuniti Jakun di Kampung Langkap. Setiap isi rumah mempunyai pemilikan persendirian dan mempunyai hak eksklusif dan juga mempunyai pemilikan komuniti yang dikongsi bersama. Jika dibandingkan dengan komuniti Jakun di Kampung Batu Tiga, masyarakat di sini lebih tertumpu kepada pemilikan persendirian. Konsep pemilikan persendirian lebih ketara di kalangan komuniti di Kampung Batu Tiga dan bentuk pemilikan komuniti tidak lagi wujud. Keadaan ini dipengaruhi oleh kegiatan ekonomi komersial yang mendesak individu lebih mementingkan keperluan diri dan keluarga dari kepentingan komuniti.

2.4.2 Kepimpinan

Organisasi politik dalam masyarakat Jakun di ketuai oleh ketua formal dan ketua tidak formal. Ketua formal merujuk kepada *batin* yang dilantik oleh komuniti kampung

dan mendapat persetujuan serta pengiktirafan dari pihak jabatan. Manakala ketua tidak formal merujuk kepada ketua yang dilantik oleh anggota komuniti tetapi tidak mendapat pengiktirafan dan pengesahan dari jabatan.

Di Kampung Langkap, *batinnya* dilantik oleh anggota komuniti. Walau bagaimanapun beliau tidak mendapat pengiktirafan bertulis dari pihak jabatan. Fenomene ini berlaku disebabkan masalah pentadbiran yang menghadkan jumlah *batin* yang bertauliahan. Keadaan sebaliknya berlaku di Kampung Batu Tiga, *batinnya* terdiri daripada *batin* yang dilantik dan mendapat tauliah serta menerima elaun tahunan.

Fungsi dan peranan seorang *batin* umumnya boleh diklasifikasikan seperti di bawah;

- i. Ketua dalam adat dan upacara seperti perkahwinan dan kematian.
- ii. Mengubati orang sakit, kerana seseorang *batin* perlu mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada orang lain, mempunyai ilmu perbomohan adalah salah satu daripada ciri-ciri keistimewaan.
- iii. Menjadi penasihat dan pendamai kepada masalah yang dihadapi oleh anak buah.
- iv. Bertindak sebagai hakim yang menjatuhkan hukuman seperti pembayaran denda dan lain-lain.
- v. Diberi kepercayaan dalam membuat keputusan bagi

semua hal dalam kumpulan, dan bertindak sebagai perantara dengan masyarakat luar dan JHOA

2.4.3 Agama dan Kepercayaan

Masyarakat Orang Asli pada asalnya berpegang kuat kepada unsur-unsur animisme atau kepercayaan kepada makhluk halus, spirit, Orang Bunian, semangat dan roh (cf. Gomes & Williams-Hunt 1993). Istilah animisme asalnya dicipta oleh Taylor (1871). Istilah ini berasal dari perkataan latin *anima* yang bermaksud kepercayaan kepada makhluk halus. Dikalangan masyarakat Orang Asli ciri-ciri animisme masih berkekalan sehingga kehari ini.

Masyarakat Jakun juga mempercayai segala bentuk semangat, roh, dan makhluk halus. Kepercayaan ini merangkumi seluruh aspek kehidupan mereka. Antaranya kepercayaan kepada berbagai jenis hantu, seperti Hantu Orang Mati, Hantu Laut, Hantu Darat, Hantu Puteri Puting Belitung, dan berbagai jenis hantu lagi.

Pokok, batu, kayu, dan sebarang benda pelik dipercayai mempunyai semangat. Sekiranya tidak dihormati ia boleh membawa akibat buruk. Di kalangan penduduk Batu Tiga pokok mengkuang dan pokok selasih dikatakan mempunyai semangat. Ia tidak boleh ditebang oleh si penanam, dan sekiranya pantang ini dilanggar ia boleh menyebabkan individu

tersebut mati⁶.

Masyarakat Jakun juga mempercayai hari boleh memberi petunjuk berhubung dengan kematian. *Hari maruk* merupakan hari yang paling ditakuti kerana ia dikatakan membawa petanda akan berlaku kematian. *Hari maruk* dikenal pasti apabila keadaan cuaca tidak terlalu panas, tidak berangin, dan redup. Selain dari *hari maruk*, bunyi burung hantu juga dianggap sebagai petanda kematian akan berlaku.

Sesetengah binatang dipercayai mempunyai semangat mebahaya seperti gajah. Sesiapa sahaja dilarang mengata atau memarahi gajah kerana dipercayai gajah boleh mendengar apa yang diperkatakan oleh manusia walapun dengan hanya berbisik. Sekiranya perbuatan ini dilakukan dipercayai gajah tersebut akan memusnahkan rumah atau tanaman individu berkenaan.

Harimau juga turut mempunyai semangat, dan ia boleh menukar bunyi suaranya kepada berbagai bentuk. Orang Ulu di Muar dan Segamat juga mempercayai konsep hantu harimau (Amran 1993). Hantu harimau boleh mengeluarkan suara bayi menangis. Sesiapa yang mendengar suara bayi menangis di

⁶. Mak batin di Batu Tiga menjelaskan perkara ini kepada pengkaji. Menurut beliau sehingga saat ini beliau tidak pernah menebang pokok selasih dan mengkuang yang ditanamnya. Sekiranya beliau memerlukan daun mengkuang beliau akan menebangnya dari pokok yang ditanam oleh orang lain ataupun mengkuang yang tumbuh di dalam hutan.

tempat-tempat sunyi perlu mengundur diri. Mereka mempercayai bahawa bunyi tersebut boleh mendatangkan penyakit atau boleh menyebabkan kematian.

Pengkaji pernah berhadapan dengan keadaan ini semasa tinggal di Kampung Langkap. Peristiwa ini bermula apabila pada suatu tengah malam seluruh penduduk kampung dikejutkan dengan riuh rendah suara orang ramai. Keadaan ini berlaku disebabkan mereka yang *berbuluh* dan bermalam di hutan telah lari pulang ke kampung. Salah seorang daripada anggota kumpulan yang berbuluh itu menyatakan beliau telah mendengar suara bayi menangis di bawah pondok sementara mereka. Apabila diselidiki didapati tiada bayi yang menangis, setelah menyedari bahawa suara tersebut bukan merupakan suara bayi menangis, kesemua anggota kumpulan telah diberitahu. Suara itu dikatakan datangnya dari harimau belang yang tidak dapat dilihat. Selepas dari peristiwa itu kawasan *berbuluh* tersebut ditinggalkan, dan mereka mencari kawasan penempatan sementara baru untuk *berbuluh*.

Satu konsep lagi yang menjadi kepercayaan masyarakat Jakun ialah *punan*. *Punan* dikatakan berasal dari perkataan Melayu, kempunan. Ia boleh berlaku apabila keinginan seseorang terhadap makanan atau minuman tidak dipenuhi⁷

⁷. Seperti yang disebutkan oleh Dentan dalam kajiannya terhadap masyarakat Semai (1968).

(Amran 1993). Seseorang dikatakan terkena *punan* sekiranya hajat untuk memakan sesuatu benda tidak tercapai. Ia juga boleh berlaku sekiranya orang lain mempelawa sesuatu makanan atau minuman tetapi tidak dijamah.

Individu yang terkena *punan* akan menerima nasib malang, sama ada akan terluka, disengat binatang, dipatuk ular, jatuh sakit, dan sebagainya. Oleh itu sekiranya seseorang dipelawa untuk makan tetapi pada masa yang sama individu tersebut tidak berhajat untuk makan atau sudah kenyang, maka beliau perlu melepaskan *punan*. Dengan hanya mengambil sedikit dari makanan tersebut lalu disapukan pada mana-mana bahagian badan seperti lengan, maka ia dianggap telah terlepas dari kena *punan*.

Konsep *tenung* atau *tetenung* juga tidak asing di kalangan masyarakat Jakun. *Tenung* atau *tetenung* merupakan satu kepercayaan berhubung dengan semangat jahat yang masuk manusia. Terdapat berbagai jenis *tenung* seperti *tenung harimau*, *tenung gajah*, *tenung ular*, *tenung serigala* dan lain-lain.

Tenung boleh berlaku sama ada melalui mimpi atau bayangan. Seseorang yang dikatakan terkena *tenung* akan masuk ke dalam hutan dalam keadaan separuh sedar untuk mencari binatang yang *ditenungnya*. Pemergian orang yang kena *tenung* tidak dapat dihalang oleh sesiapa kerana ia

akan bertindak ganas. Tujuan beliau mencari binatang tersebut adalah untuk berlawan dengannya. Sekiranya pengaruh semangat *tenung* lebih kuat ia boleh menyebabkan orang yang kena *tenung* mati dalam pertarungan.

Selain dari kepercayaan kepada makhluk halus, roh, dan semangat masyarakat Jakun juga mempercayai kewujudan Tuhan. Mereka mempercayai bahawa perbuatan yang baik akan dibalas baik dan perbuatan yang jahat akan dibalas jahat oleh Tuhan. Kenyataan ini diakui oleh salah seorang dari penduduk Kampung Batu Tiga dengan menyatakan;

Biar loh... apa enchan nok buot, baik neng buruk, neng jahot, amai ngak kisoh... tohan hanya satuk, biar loh... dia neng balos enchan. Kalau enchan buot jahot mesti dia balos jahot.

Atau dalam bahasa Melayunya;

Biarlah... apa dia orang nak kata, baik yang buruk, yang jahat, Amai (Mak Cik) tak kisah... Tuhan hanya satu, biarlah... dia yang balas mereka. Kalau dia orang buat jahat pasti tuhan akan membalas dengan balasan jahat.

Kenyataan ini memperlihatkan bahawa kepercayaan terhadap kewujudan Tuhan, yang akan membalas setiap

perbuatan jahat yang dilakukan. Misalnya seperti perbuatan menfitnah dan memburuk-burukan orang lain. Pengaruh kepercayaan terhadap tuhan mempunyai pertalian dengan kepercayaan masyarakat Melayu beragama Islam.

Konsep kepercayaan kepada Tuhan di kalangan masyarakat Orang Asli dari kumpulan Melayu Asli khususnya Orang Ulu turut dinyatakan oleh Amran (1993). Masyarakat Orang Ulu di Muar dan Segamat mempercayai kewujudan Tuhan Atas dan Tuhan Bawah. Hanya bomoh, pawang, dan poyang sahaja yang dikatakan boleh berhubung dengan Tuhan.

Sehubungan itu didapati komuniti Jakun di Langkap masih berpegang kuat kepada kepercayaan terhadap unsur-unsur animisme. Pengaruh kepercayaan agama besar seperti Islam dan Kristian masih belum diterima secara meluas. Di Kampung Batu Tiga keadaannya agak berbeza. Pengaruh agama Islam dan Kristian menular secara meluas, khususnya agama Kristian (khatolik).

Walau bagaimanapun kepercayaan terhadap unsur-unsur seperti roh dan semangat masih menjadi amalan. Apa yang membezakan di antara Langkap dan Batu Tiga hanyalah darjah kepercayaan. Di kalangan penduduk Langkap kepercayaan terhadap unsur-unsur anamisme masih menebal, sementara di Batu Tiga unsur-unsur kepercayaan anamisme kian berkurangan khususnya di kalangan generasi muda.

2.4.4 Taraf Pendidikan

Pendidikan merupakan aspek penting dalam usaha memaju dan membangunkan masyarakat Orang Asli. Untuk itu berbagai usaha telah dilakukan oleh JHEOA bagi memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun sehingga kini masih ramai yang tidak berpeluang mendapat pendidikan secara formal.

Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati taraf pendidikan di kalangan penduduk di Langkap amat rendah. Dari jumlah keseluruhan penduduk seramai 109 orang, hanya 2 orang sahaja yang mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah.

Manakala bagi penduduk di Batu Tiga didapati bilangan yang mendapat pendidikan lebih ramai. Dari jumlah keseluruhan penduduk seramai 315 orang penduduk 119 orang telah berpeluang mendapat pendidikan sama ada diperingkat rendah atau menengah.

Pendidikan yang diterima oleh mereka melibatkan berbagai aliran seperti Melayu, dan Cina. Sila rujuk jadual 2.5 untuk keterangan lanjut berhubung dengan taraf pendidikan yang diterima oleh penduduk Langkap dan Batu Tiga.

Nama Kampung	Sek. Rendah	Sek Menengah
1. Langkap	2(1.8%)	0
2. Batu Tiga	100(31.6%)	19(5.9%)

Jadual 2.5 : Taraf Pendidikan yang diterima oleh Penduduk Langkap dan Batu Tiga.

Sumber : Berdasarkan Kajian.